

Jangan bosan slap hadapi pilihanraya - Dr. M

KOTA BAHARU 11 April
— Presiden UMNO Malaysia Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, ahli-ahli UMNO tidak boleh merasa bosan untuk terus membuat persiapan bagi menghadapi pilihanraya umum akan datang walaupun belum mengetahui tarikhnya.

Beliau berkata, orang-orang politik biasanya tidak pernah bosan untuk terus bergiat cergas bagi kepentingan parti malah mereka lebih seronok dengan keadaan seperti itu.

"Persiapan pilihanraya bagi UMNO pada pandangan saya tidaklah lagi 100 peratus di mana selagi ada masa kita perlu membuat berbagai kegiatan untuk mengukuhkan jentera parti," tegasnya kepada pemberita selepas menghadiri perjumpaan dengan pemimpin Pergerakan Pemuda UMNO yang dihadiri sama oleh pemimpin-pemimpin UMNO perhubungan negeri di Dewan UMNO negeri di sini petang ini.

Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Negeri, Tan Sri Haji Mohamed Yaacob, Timbalannya, Tengku Ahmad Rithauddeen, Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia, Dato' Sri Najib Tun Razak turut hadir di majlis itu.

Dato' Sri Dr. Mahathir yang juga Perdana Menteri Malaysia itu memberitahu, persiapan untuk menghadapi pilihanraya adalah perlu dan hendaklah diteruskan sambil kita mengkaji di mana ada kelemahan dapat diperbaiki.

Mengenai UMNO dan Barisan Nasional di Kelantan beliau menjelaskan, kedudukan UMNO dan Barisan Nasional di negeri ini adalah semakin kukuh dan beliau yakin akan dapat mempertahankan pemerintahan dengan mendapat kemenangan besar dalam pilihanraya akan datang.